

MAHATHIR -- GIRO 1984

KUALA LUMPUR, 29 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHU SISTEM GIRO DALAM URUSAN PEJABAT-PEJABAT POS TANPA MENGGUNAKAN WANG TUNA1 DIPERKENALKAN DI NEGARA INI SECEPAT MUNGKIN.

PERDANA MENTERI PERCAYA KESESAKAN DI KAUNTER-KAUNTER PEJABAT POS AKAN DAPAT DIATASI DENGAN SISTEM TERSEBUT KERANA PEMEGANG-PEMEGANG AKAUN GIRO TIDAK PERLU LAGI KE PEJABAT POS.

MEREKA BOLEH MENGE PQS BIL-BIL DENGAN MEMBERI SURAT KEBENARAN KEPADA PUSAT GIRO UNTUK MENGURUSKAN TRANSAKSI.

+ KAJIAN KEMUNGKINAN MENGENAI PERKHIDMATAN GIRO MELALUI PEJABAT POS HARUS DIJALANKAN SECEPAT MUNGKIN, + KATANYA SEMASA MERASMIKAN PROJEK PEJABAT POS BESAR KUALA LUMPUR BERHARGA \$55.5 JUTA DI SINI HARI INI.

PROJEK ITU IALAH FASA KEDUA PROJEK DAYABUMI.

BANGUNAN 10 TINGKAT ITU YANG TERLETAK DI TAPAK SELUAS 8,496 METER PERSEGI MERUPAKAN YANG TERMODEN DI RANTAU INI LENGKAP DENGAN PERALATAN MEKANISASI POS BERHARGA \$8 JUTA BAGI MENGANGKUT MEL, SISTEM TELEVISIEN LITAR TUTUP BAGI MENGAWASI KESELAMATAN DALAM BANGUNAN, 95 KAUNTER UNTUK PELBAGAI PERKHIDMATAN POS, BALAI SETEM, BILIK-BILIK SEMBAHYANG SERTA DUA BUAH RESTORAN. ---LAGI
1306MST 29 10 84

0989

U 0427 DE5

MAHATHIR - GIRO 2 KUALA LUMPUR

URA-URA MEMPERKENALKAN SISTEM GIRO YANG SUDAH LAMA DIAMALKAN DI NEGARA-NEGARA MAJU DI NEGARA INI TIMBUL SEJAK BEBERAPA TAHUN LALU PERDANA MENTERI BERKATA PENINGKATAN YANG PESAT DALAM AKTIVITI KAUNTER YANG MELIBATKAN PENGURUSAN WANG TUNA1 MEMAKSA PEJABAT POS MEMPERKENALKAN SATU SISTEM BERSEPADU SEPERTI-SISTEM GIRO UNTUK MENAMPUNG SEMUA URUS NIAGA KAUNTER.

KATANYA, PERKHIDMATAN POS JUGA HARUS MENGAMBIL INISIATIF MEMPERKENALKAN SECARA PROGRESIF MEKANISASI YANG SOFISTIKATED YANG AKAN MEMPERBAIKI KEPANTASAN DAN KECEKAPAN SECARA MENYELURUH DALAM KERJA-KERJA PENGENDALIAN MEL DAN OPERASI KAUNTER.

INI AMAT PERLU MEMANDANCKAN NEGARA KINI MEMPUNYAI 517 BUAH PEJABAT POS, 234 BUAH PEJABAT POS BERGERAK DAN 1,568 WAKIL POS BERBANDING DENGAN CUMA 201 BUAH PEJABAT POS, TIGA BUAH PEJABAT POS BERGERAK DAN 238 PERWAKILAN POS.

PADA TAHUN 1957, JUMLAH MEL YANG DIPOSKAN PURATA SEORANG PENDUDUK IALAH 13 BENDA POS MANAKALA PADA TAHUN L A L U MENINGKAT KEPADA 51 BENDA POS BAGI SETIAP PENDUDUK. ---LAGI
1314MST 29 10 84

MAHATHIR - GIRO 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR YAKIN MEKANISASS BAGI PERKHIDMATAN KAUNTER SUDAH PASTI AKAN MENSNGKATKAN KECEKAPAN SERTA KEPANTASAN PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN SERTA MENINGKATKAN LAGIDAYA PENGELUARAN KAKITANGAN DAN MENGURANGKAN KEPERLUAN RUANG DI REJABAT-PEJABAT POS.

+ KITA SEKARANG TELAH TIBA KE SATU PERINGKAT YANG PERTAMBAHAN BILANGAN KAKITANGAN, BILANGAN PERTUBUHAN POS DAN SUMBER-SUMBER LAIN SEPERTI JUMLAH KENDERAANBERMOTOR, TIDAK LAGI MENJADI ASASMUTLAK BAGIMENGATASI MASALAH PERTUMBUHAN DALAM KEPERLUAN PERKHIDMATAN POS.

+ PERKEMBANGAN SECARA KUALIYATIF SANGATLAH PERLU UNTUK MENAMPUNG PERKEMBANGAN MASA HADAPAN IAITU DENGAN PENGENDALIAN SECARA LEBIH PANTAS DAN CEKAP DALAM URUSAN-URUSAN MEL SERTA URUSNIAGA-URUSNIAGA KAUNTER SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN NEGARA UANG GIAT MEMBANGUN.+

PERDANA MENTERI BERKATA SUNGGUHPUN WUJUD TEKNOLOGI MODEN, PERKHIDMATAN POS AKAN DINILAI AKHIRNYA BERASASKAN KEPADA MUTU PERKHIDMATAN YANG MAMPU DIBERI KEPADA MASYARAKAT BERDASARKAN KEPADA TEKNOLOGI SEMASA YANG SEDIA ADA DAN HARAPAN RAKYAT.

DALAM BEBERAPA PERKARA, PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN OLEH RANGKAIAN POS ADALAH MERUPAKAN HUBUNGAN RAKYAT YANG PALING RAPAT SEKALI DENGAN JENTERA KERAJAAN. -- LAGI

1330MST 29 10 84

DD01

R 8432 DEB.

MAHATHIR - GIRO 4 KUALA LUMPUR

+ PANDANGAN RAKYAT KEPADA KONSEP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH YANG DITEKANKAN OLEH KERAJAAN ADALAH DIPENGARUHI OLEH PENGALAMAN MEREKA SEMASA BERURUSAN DENGAN KAKITANGANKERAJAAN SEPERTI POSMEN ATAUPUN KERANI-KERANI HAUNTER POS.+

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA DALAM PERKHIDMATAN POS, UNSUR-UNSUR KEMANUSIAAN AKAN TERUS MENJADI TUMPUAN KEPADA OPERASINYA, PERDANA MENTERI BERKATA OLEH DEMIKIAN, KUALITI PERKHIDMATAN POS BERGANTUNG KEPADA KECEKAPAN SERTA TINGKAH-LAKU SETIAP KAKITANGANNYA.

+ KUALITI PERKHIDMATAN BANYAK BERGANTUNG KEPADA SIKAP KAKITANGAN TERHADAP TANGGUNGJAWAB MEREKA. BETAPA SOFISTIKATED SEKALIPUN TEKNOLOGI YANG ADA, TETAPI JIKA KAKITANGAN YANG MENJALANKAN TUGAS TIDAK MEMPUNYAI SKKAP YANG BETUL TERHADAP TANGGUNGJAWAB MEREKA, MAKA TIDAK SYAK LAGI BAHAWA SEGALA USAHA MEMPERKENALKAN TEKNOLOGI MAJU AKAN MENJADI SIA-SIA,+ TEGASNYA.'

SEMPENA PERASMIAN ITU, DR. MAHATHIR MELANCARKAN SETEM-SETEM KENANGAN BERHARGA 15 SEN YANG MENGGAMBARAKAN PERKHIDMATAN FASIMIL, SETEM 20 SEN MENGGAMBARAKAN BANGUNAN BARU PEJABAT POS BESAR DAN SETEM \$1 MENGGAMBARAKAN SISTEM PENGANGKUTAN KARUNG MEL.

BELIAU DAN ISTERINYA DENGAN DIIRINGI OLEH MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS, DATUK LEO MOGGIE MELAWAT BILIK PAMERAN SETEM SERTA MELIHAT BAGAIMANA MEL DIPROSES UNTUK PENGHANTARAN. ---BERNAMA

1341MST 29 10 84